

# Perlu dapat kelulusan Kabinet sebelum ke luar negara - PM

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**  
aiman.asrol@mediamulia.com.my

**PUCHONG:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua menteri membentangkan laporan kepada Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum dibenarkan mengadakan lawatan rasmi ke luar negara.

Perdana Menteri mendedahkan pernah membatalkan lawa-

tan yang tidak memerlukan jumlah delegasi tidak sepatutnya.

"Keterlanjuran ini umpamanya ada pameran kecil di Paris tapi saya lihat daripada kakitangan kementerian dan agensi-agensi berkenaan (adalah) 68 orang yang berdaftar untuk pergi, sebahagian kecil mungkin terlibat serta diperlukan.

**Bersambung di muka 3**

# Perlu dapat kelulusan Kabinet sebelum ke luar negara - PM

**Dari muka 1**

"Jadi, saya ambil satu keputusan yang tegas (dengan) membatalkan seluruh lawatan itu walaupun tiket penerbangan (dan) hotel sudah disediakan. Ini sebagai mesej yang jelas. Kita bercakap soal reformasi.

"Menteri-menteri untuk melawat mesti bentang kepada Jemaah Menteri dan selalunya kita buat potongan apakah perlu dua atau tiga petugas. Kalau tidak perlu, diminta tangguh dan umpamanya disekalikan dengan lawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri yang mana memorandum persefahaman (MoU) boleh ditandatangani sekali untuk menjimatkan belanja tetapi kadang-kala mesej ini tidak je-

las," katanya ketika ditemui pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Darussalam, di sini.

Tegasnya, perbelanjaan yang digunakan merupakan wang rakyat yang dipertanggungjawabkan supaya ia dibelanjakan dengan baik dan cermat.

"Semalam saya ada pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan ketua pengarah berkenaan untuk menyatakan ketegasan kita dan meminta kerjasama.

"Majoriti penjawat awam terutama yang diperingkat tinggi memahami dan menyokong tetapi pelanggaran ini tidak boleh diizinkan," jelasnya.

Menurutnya, usaha mereformasi pentadbiran negara perlu

diteruskan bagi mengelak daripada berlakunya pembaziran wang rakyat.

Perdana Menteri, berkata, beliau sudah menegaskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bahawa usaha mereformasi institusi, agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mesti diteruskan.

Kata beliau, terdapat sesetengah keputusan sebelum ini memberi keuntungan kepada pihak tertentu maka ia perlu dihentikan segera.

"(Usaha) reformasi dalam jabatan kerajaan, GLC (dan) agensi-agensi mesti berterusan. Hari Rabu lalu dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, kita lebih tegas, menuntut semua (untuk melakukan reformasi).

"Walaupun lembaga berkua-

sa tetapi kadang-kadang lembaga membuat keputusan yang memihak kepada kepentingan mereka. Oleh itu, semua projek baharu (dan) lawatan ke luar negara mesti ditujuk kepada ketua setiausaha atau ketua pengarah dan diluluskan oleh menteri berkenaan supaya ada yang akhirnya bertanggungjawab secara langsung," ujarnya.

Sementara itu, Anwar turut membidas pemimpin pembangkang seolah-olah tidak nampak kedudukan ringgit yang sedang mengukuh apabila mengambil pendekatan berdiam diri.

Katanya, pemimpin-pemimpin pembangkang dilihat gemar mengkritik apabila ringgit melemah dan membisu apabila mata wang negara mengukuh.